

Pelajar IPT wajar santuni kebebasan

MPPK platform signifikan bentuk legasi kepemimpinan

Oleh Rohaniza Idris dan Luqman Arif Abd Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ruang dan kebebasan yang diberikan oleh kerajaan untuk golongan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) menyampaikan segala permasalahan atau isu, wajar disantuni sebaik mungkin mengikut saluran yang betul, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, ia perlu disulami tanggungjawab untuk meletakkan nilai integriti sebaris dengan nilai rasional, selain bersandarkan kepada kesopanan dan kesusilaan, jauh daripada desakan emosi, disuarakan secara membuta tuli atau disebabkan hasutan pihak lain.

“Setiap perkara yang diputuskan hendaklah jauh daripada desakan emosi, membuta tuli atau hasutan pihak lain agar darjat eksklusif mahasiswa tidak disalahgunakan.

“Kepemimpinan berkesan adalah meletakkan perkara pertama dahulu, pengurusan efektif adalah disiplin dalam melaksanakannya,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam perutusan sempena Mesyuarat Perdana Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) 2021 secara maya yang disiarkan di laman Facebook Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), semalam.

Mesyuarat dipengerusikan sendiri Perdana Menteri, turut dihadiri Menteri Kanan Perancangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Kanan Pendidikan,

Datuk Dr Radzi Jidin; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Muhyiddin berkata, platform seperti MPPK sangat signifikan bagi membentuk legasi kepemimpinan dalam kalangan pelajar yang seterusnya melahirkan pemimpin pelajar berkualiti, berfikiran kritis dan idealis, selain sebagai medium signifikan untuk menyangkal dakwaan bahawa pelajar IPT yang sinonim dengan istilah ‘darah muda’, sentiasa membuat keputusan terburu-buru.

Katanya, mesyuarat itu sebagai acuan yang akan membentuk pemimpin pelajar dalam membuat keputusan secara matang, di samping membina keperibadian unggul kerana pelajar IPT adalah aset dan modal insan negara yang paling berharga, bukan sahaja dari aspek tenaga kerja serta kemahiran selepas tamat pengajian.

“Ia juga dari aspek kognitif, iaitu sumbangan idea yang bernas untuk membantu dan bersama-sama kerajaan memacu pembangunan negara. Justeru, saya amat menggalakkan agar peluang dan ruang yang ada dimanfaatkan oleh semua pihak yang terbabit.

“Saya percaya dengan komunikasi secara dua hala antara pelajar dan juga kerajaan melalui forum MPPK diperkukuhkan lagi dengan bakat kepemimpinan dimiliki ahli MPPK, adalah solusi terbaik bagi menyelesaikan isu berbangkit, terutama berkaitan kebajikan pelajar IPT, akan dapat dicapai,” katanya.

Sambil menggalakkan pelajar mengambil peluang dan ruang yang ada, termasuk mesyuarat perdana itu untuk dimanfaatkan bersama pihak yang terbabit, beliau juga membangkitkan sesi pertemuan dengan wakil MPPK pada 30 Jun lalu yang membenarkan 11 agenda berkait rapat

dengan isu kebajikan serta pelaksanaan pelajar IPT untuk perhatian dan tindakan kerajaan.

“Saya percaya semua agenda itu sudah diberikan perhatian dan diambil tindakan oleh KPT,” katanya menambah, mesyuarat perdana MPPK akan meneruskan tradisi dan mampu membentangkan hasrat pelajar yang berupaya meningkatkan kesejahteraan penuntut IPT dan masyarakat secara keseluruhan.

“Manfaatkan platform ini dan bermusyawarahlah secara matang, rasional serta beretika. Kehadiran wakil dari pelbagai kementerian, jabatan dan agensi kerajaan pada hari ini (mesyuarat semalam) adalah bukti komitmen dan sokongan kerajaan dalam usaha memartabatkan peranan pelajar IPT menerusi Mesyuarat Perdana MPPK,” katanya.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan sentiasa cakna kepada keperluan pelajar untuk mengikut kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian dan untuk itu, KPT mengambil inisiatif bekerjasama dengan IPT untuk membantu golongan berkenaan, terutama mereka daripada keluarga berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

“Ini termasuklah memberikan bantuan RM50 secara *one-off* kepada 76,153 pelajar baharu sesi akademik 2020/2021 yang membabitkan peruntukan RM3.8 juta. Selain itu, bantuan pelan data B40 dengan peruntukan RM24 juta yang memanfaatkan 320,396 pelajar dan bantuan peranti B40 bersasar membabitkan peruntukan RM13 juta kepada 8,965 pelajar,” katanya.

Muhyiddin berkata, inisiatif dilaksanakan adalah manifestasi bahawa kerajaan sentiasa prihatin dengan segala hasrat yang diutarakan pelajar dan permintaan mereka, terutama sekali berkaitan usaha memperkasakan mahasiswa ketika pandemik COVID-19.